

# UMP, Asahitechno jalin kerjasama penyelidikan

HARIAN METRO (TTMUR) 20 OKT 2016 M/S 56

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalin kerjasama dengan syarikat dari Jepun, Asahitechno Co Ltd (Asahitechno) bagi membolehkan kedua-dua pihak menjalankan penyelidikan dan pendidikan bersama.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, sebagai universiti teknikal yang komited kepada kecemerlangan pendidikan, kerjasama itu dapat memperkukuhkan hubungan antara universiti dan industri di persada antarabangsa.

"Asahitechno adalah syarikat pembinaan dan pengurusan tanah utama di Jepun, ini membolehkan kita menjalankan penyelidikan bersama mengenai pembaikan tanah dalam pembinaan serta pertukaran penemuan akademik dan penerbitan berkaitan pembaikan tanah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap

**FAKTA**  
Perkukuh  
hubungan antara  
universiti dan  
industri di persada  
antarabangsa



**DAING** Nasir (dua dari kiri) dan Presiden Asahitechno, Shigeyoshi Takahashi (dua dari kanan) bertukar dokumen selepas menandatangani MoU sempena penganjuran Simposium Antarabangsa anjuran Pusat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM)

pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat berkenaan di sini, kelmarin.

MOU berkenaan ditandatangani sempena penganjuran Simposium Antarabangsa anjuran Pu-

sat Penyelidikan dan Pengurusan Sumber Alam (CERRM) UMP.

Hadir sama, Pengarah CERRM Dr Muzamir Hassan; Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam (FKASA) Dr Mohamad Idris Ali dan Prof Emeritus dari Yamaguchi Universiti Prof Dr Masayuki Hyodo.

Menurutnya, syarikat ber-

knaan banyak mencipta teknologi inovatif berkaitan kaedah mengurangkan aras air dalam tanah untuk tujuan pembinaan.

Katanya, perkongsian kepakaran berkaitan industri dan kecekapan teknikal berkaitan penting dalam menyumbangkan kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.